

**MAHATHIR - PELANCONGAN**

**KUALA LUMPUR, 5 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG KE NEGARA INI SEHINGGA SAMA DENGAN JUMLAH PENDUDUK MALAYSIA.**

**MATLAMAT KERAJAAN IALAH SUPAYA JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG PADA SETIAP TAHUN SAMA DENGAN JUMLAH PENDUDUK DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN KOMPLEKS PENERANGAN PELANCONGAN MALAYSIA (MATIC), DI JALAN AMPANG, DI SINI HARI INI.**

**BELIAU BERKATA, INDUSTRI PELANCONGAN TELAH MENJADI ANTARA INDUSTRI TERBESAR DI NEGARA INI DAN TERBUKTI MEMPUNYAI POTENSI MASA DEPAN YANG AMAT CERAH.**

**+KITAYAKIN INDUSTRI INI AKAN MENOLONG MEMBANGUNKAN NEGARA KITA,+ TAMBAHPERDANA MENTERI.**

**BELIAU BERKATA, SETAKAT INI, TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990 MENAMPAKKAN KEJAYAAN LUAR BIASA KERANA JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG BUKAN SAHAJA TELAH MELEBIHI DARIPADA MATLAMAT PERTAHBAHAN SEBANYAK 10 PERATUS DARIPADA JUMLAH PELANCONG YANG DATANG PADA TAHUN LEPAS MALAHAN TELAH MELEBIHI SEBANYAK 60 PERATUS. -- LAG1  
2150MST 05 09 90**

D338

**R B665 A A B  
MAHATHIR - PELANCONGAN 2 KUALA LUMPUR**

**PENDAPATAN NEGARA JUGA TELAH MENINGKAT EKORAN KEDATANGAN PELANCONG ITU, TAMBAH BELIAU.**

**PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BILANGAN PELANCONG YANG RAMAI KE NEGARA INI PADA TAHUN INI IALAH HASIL KEPUTUSAN KERAJAAN MENUBUHKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN.**

**DENGAN ADANYA KEMENTERIAN KHUSUS MENGENDALIKAN SOAL KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN NEGARA TELAH DAPAT DIPERKENALKAN SECARA LEBIH BERKESAN DAN DAPAT MENARIK PELANCONG ASING UNTUK MENYAKSIKANNYA, TAMBAH BELIAU.**

**BELIAU BERKATA, DENGAN MEMPERKENALKAN KEBUDAYAAN NEGARA TERMASUK KEPADA RAKYAT NEGARA INI, IA SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MENGELAKKAN RAKYAT TERPENGARUH DENGAN KEBUDAYAAN ASING.**

**BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA MATIC, INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA AKAN DAPAT TERUS DITINGKATKAN KERANA IA BOLEH MENYAMPAIKAN MAKLUMAT YANG LEBIH TEPAT MENGENAI KEBUDAYAAN NEGARA KEPADA PARA PELANCONG. -- LAG1  
2151MST 05 09 90**

D339

**R B666 A A B  
MAHATHIR. - PELANCONGAN 3 KUALA LUMPUR**

**MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK KETIKA BERUCAP PULA BERKATA, MATIC YANG DITUBUHKAN PADA 15 OGOS TAHUN LEPAS BERTUJUAN MEMBERI PENERANGAN DAN PERKHIDMATAN MENGENAI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN KEPADA PARA PELANCONG.**

**KATANYA, SEJAK DITUBUHKAN SEHINGGA JULAI LEPAS, SERAMAI 1001250 ORANG TELAH BERKUNJUNG KE MATIC BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN.**

**TAPAK KOMPLEKS ITU SEBELUM INI DIKENALI DENGAN NAMA DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN. BANGUNAN YANG DIBINA PADA TAHUN 1935 OLEH PELOMBONG DAN PENGUSAHA LADANG GETAH, ENCIK EU TONG SEN ITU KEMUDIAN DIUBAHSUAI OLEH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN PADA TAHUN 1988 UNTUK DIJADIKAN KOMPLEKS PENERANGAN PELANCONGAN MALAYSIA (MATIC). -- BERNAMA**